

## **PROSIDUR PERMOHONAN PATEN**

### **REKACIPTA YANG BOLEH DIPATENKAN**

Untuk mendapatkan permohonan paten sesuatu rekacipta hendaklah

- ◆ Baru yang bermaksud sesuatu rekacipta itu masih belum dizahirkan kepada awam dimana-mana di dunia ini.
- ◆ Mempunyai langkah merekacipta yang mana rekacipta tersebut tidak ketara kepada seseorang yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman di dalam bidang teknologi rekacipta tersebut, dan
- ◆ Dapat digunakan pada industri yang bermaksud dapat dibuat atau digunakan untuk berbagai jenis industri

Untuk mendapat sijil pembaharuan utiliti, sesuatu rekacipta hanya perlu baru.

### **TEMPOH PERLINDUNGAN**

Paten dilindungi selama 20 tahun daripada tarikh pemfailan manakala pembaharuan utiliti dilindungi  $10 + 5 + 5$  tahun daripada tarikh pemfailan.

### **REKACIPTA YANG TIDAK BOLEH DIPATENKAN**

Penemuan teori-teori saintifik dan kaedah-kaedah matematik,

Kepelbagai tumbuhan atau binatang atau proses biologi yang perlu bagi pengeluaran tumbuhan atau binatang, selain dari mikro-organisma hidup buatan manusia, proses mikro-biologidan keluaran daripada proses mikroorganisma itu;

Skim, kaedah atau cara untuk menjalankan perniagaan , melakukan perbualan, perbuatan mental semata-mata atau bermain apa-apa permainan, dan

Cara untuk merawat tubuh manusia atau binatang melalui pembedahan atau terapi dan cara diagnosis yang dilakukan ke atas tubuh manusia atau binatang.

## **PROSIDUR PERMOHONAN PATEN**

- ◆ Permohonan perlu memfailkan borang 1 berserta dengan spesifikasi paten dan fee sebanyak RM 200.00 semasa membuat permohonan
- ◆ Dalam tempoh *dua* tahun dari tarikh pemfailan, pemohon dikehendaki memfailkan borang 5 berserta fee RM 700.00 bagi tujuan memohon pemeriksaan substantif terhadap permohonan tersebut.
- ◆ Panduan mengisi Borang 1 ( Bahagian I – IX)

### **Bahagian I : Tajuk rekacipta**

Pemohon perlu menyatakan tajuk rekacipta yang dipohon

### **Bahagian II : Pemohon**

Pemohon perlu menyatakan nama pemohon, Nama syarikat atau nama individu atau kedua-duanya sekali boleh digunakan sebagai nama pemohon

### **Bahagian III : Perekacipta**

Pemohon perlu menyatakan nama perekacipta Nama syarikat atau pertubuhan tidak boleh digunakan sebagai nama perekacipta. Jika pemohon bukan perekacipta, borang '*Statement Justifying the Applicant's Right to the Patent*' haruslah dikemukakan.

### **Bahagian IV : Agen atau wakil**

Pemohon tempatan perlu menyatakan nama agen paten yang dilantik sekiranya permohonan dibuat melalui agen paten. Bagi permohonan dari luar negara, setiap permohonan haruslah melalui agen paten yang berdaftar di Malaysia.

### **Bahagian V : Permohonan terbahagi**

Sekiranya terdapat lebih daripada satu rekacipta didalam satu permohonan, pemohon perlu membahagikan permohonan tersebut kepada dua atau lebih permohonan. Setiap permohonan terbahagi adalah layak terhadap tarikh pemfailan permohonan yang terawal.

### **Bahagian VI: Penzahiran yang diabaikan sebagai rekaseni terdahulu**

Pemohon boleh memohon untuk mengabaikan penzahiran sebagai rekaseni terdahulu dengan mengemukakan pengakuan yang berkaitan. Peruntukan ini hanya dibenarkan sekiranya penzahiran rekacipta yang sama berlaku dalam tempoh satu tahun sebelum dari tarikh pemfailan di Malaysia.

### **Bahagian VII: Tuntutan Prioriti**

Pemohon boleh membuat tuntutan prioriti keatas tarikh pemfailan permohonan yang terdahulu. Tarikh pemfailan permohonan yang terdahulu (tarikh prioriti) hendaklah tidak melebihi 12 bulan sebelum tarikh pemfailan permohonan di Malaysia.

### **Bahagian VIII: Senarai semakan**

Pemohon perlu melengkapkan senarai semakan yang disediakan di bahagian ini.

### **Bahagian IX: Tandatangan**

Pemohon atau agen yang dilantik perlu menandatangani dan menyatakan nama individu yang berkenaan (bukan nama syarikat atau pertubuhan)

## **PROSEDUR PEMBERIAN PATEN DAN PEMBAHARUAN UTILITI**

Pemohon perlu mengemukakan;

- Borang 1 (paten) atau Borang 14 (pembaharuan utiliti), yuran yang ditetapkan, [perihalan](#), tuntutan/ tuntutan-tuntutan dan ringkasan.

Pemohon perlu mengemukakan;

- Borang 5 atau 5A dan yuran yang ditetapkan dalam masa 2 tahun daripada tarikh pemfailan.

Setelah pemberian, pemunya paten atau perakuan mempunyai hak untuk mendapatkan prosiding mahkamah terhadap sesiapa yang menggunakan rekacipta atau pembaharuan utiliti tanpa kebenaran.

Tertakluk kepada pembayaran yuran pembaharuan tahunan oleh pemunya paten.

## PROSEDUR PEMBERIAN PATEN DAN PEMBAHARUAN UTILITI

